

Penyasaran subsidi perlu disertai mekanisme ringankan impak rakyat



Penyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
Industri, Universiti
Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah
(UMPSA)

Oleh Dr Mohamad Reeduan Mustapha
bhrencana@bh.com.my

Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel membabitkan penetapan harga runcit bahan api terbabit mengikut harga pasaran dibuat serentak dengan bantuan bersasar untuk sektor logistik dan pengagihan bantuan tunai BUDI MADANI bermula tengah malam kelmarin.

Antara mekanisme bantuan bersasar itu ialah MySubsidi Diesel kepada sektor pengangkutan darat dan bot penumpang sungai, selain pembelian diesel bersubsidi dengan menggunakan 'Fleet Card' bagi permohonan baharu, tambahan kenderaan dan pertukaran syarikat minyak.

Subsidi ini bertujuan meringankan beban kos bahan bakar kepada sektor penting terbabit yang mempunyai kesan langsung terhadap kos pengangkutan dan harga barang di pasaran.

Namun, terdapat kebimbangan penarikan subsidi berpukul untuk diesel itu, mengakibatkan peningkatan harga barangan dan membebaskan rakyat. Peningkatan kos diesel akan diterjemahkan kepada kos pengangkutan lebih tinggi, akhirnya boleh mempengaruhi harga barang keperluan asas.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam satu kenyataan menyatakan harga barang keperluan seperti ayam, telur dan minyak masak masih rendah jika dibandingkan harga semasa kerajaan terdahulu.

Beliau memberikan contoh pada 2021, harga ayam mencecah RM13 sekilogram, manakala harga minyak masak lima kilogram mencapai RM45, te-

tapi kini turun sekitar RM27, manakala harga telur ayam lebih stabil berbanding dahulu.

Perdana Menteri juga menekankan langkah penyelarasan subsidi dilaksanakan kerajaan membantu dalam menurunkan harga ayam berbanding dua tahun lalu tanpa memerlukan bantuan harga siling. Ini menunjukkan kerajaan berjaya mengawal harga barang asas, meskipun menghadapi cabaran ekonomi global.

Di sebalik fakta ini, sebahagian rakyat masih bimbang terhadap kesan penarikan balik subsidi diesel yang boleh memburukkan keadaan ekonomi mereka.

Peningkatan kos diesel beri kesan domino

Perlu diakui, peningkatan kos diesel boleh memberi kesan domino, iaitu kos pengangkutan meningkat menyebabkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Sektor pengangkutan bergantung kepada diesel seperti bas dan lori akan menghadapi peningkatan kos operasi, akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna dalam bentuk harga lebih tinggi.

Bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana, sebarang peningkatan harga barang asas akan memberikan impak signifikan terhadap kos sara hidup.

Mereka mungkin terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk barang lain atau mencari alternatif lebih murah, mungkin tidak setanding dari segi kualiti dan kuantiti.

Oleh itu, kerajaan perlu memastikan langkah penarikan balik subsidi, termasuk diesel disertai dengan mekanisme sokongan berkesan untuk meringankan impak terhadap rakyat.

Ini termasuk pemberian bantuan kewangan langsung, kawalan harga ketat dan peningkatan penguatkuasaan terhadap penyelewengan harga. Langkah ini adalah penting untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara dalam menghadapi sebarang perubahan dasar ekonomi.

Bagaimanapun wajar ditekankan penarikan balik subsidi diesel dapat menyelesaikan isu penyeludupan minyak yang sekian lama menjadi masalah di negara ini apabila ada individu atau kumpulan tertentu mengambil kesempatan menyeludup diesel bersubsidi ke negara jiran atau menjualnya di pasaran gelap dengan harga lebih tinggi.

Ini bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada kerajaan dari segi hasil, bahkan mengganggu pasaran bahan bakar domestik.

Justeru, langkah penyasaran subsidi lebih ketat, mengurangkan peluang untuk penyeludupan diesel kerana diesel akan dijual pada harga pasaran, menjadikan aktiviti penyeludupan kurang menguntungkan.

Tambahan pula, dengan penjimatan sekitar RM4 bilion setahun, kerajaan boleh memperuntukkan lebih banyak sumber untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dan memerangi aktiviti penyeludupan.

Pada masa sama, penjimatan diperoleh daripada penyasaran subsidi boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan program bantuan sosial dan pembangunan ekonomi, sekali gus memberi manfaat kepada golongan benar-benar memerlukan.

Dengan pendekatan seimbang, kerajaan dapat mengurangkan beban rakyat tanpa menjejaskan kestabilan harga barang keperluan asas.